

# FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (FPSK)

## UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI:-

### Pejabat Am

#### Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Tel : 6088 - 320 000

Samb : 611 010

Faks : 6088 - 321 373

E-mel : [peifpsk@ums.edu.my](mailto:peifpsk@ums.edu.my)

Website : [www.ums.edu.my/fpsk/](http://www.ums.edu.my/fpsk/)

## PENGENALAN

Sekolah Perubatan ditubuhkan pada tahun 2003 bertujuan untuk menambahkan bilangan graduan Doktor Perubatan Dan Sains Kesihatan untuk menampung keperluan tenaga profesional dan lain-lain kepakaran kesihatan di Malaysia dan kawasan BIMP-EAGA. Ianya telah diberi nama baharu Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan pada tahun 2014. Pendekatan pembelajaran dan pengajaran di fakulti adalah untuk mendidik graduan pada abad ke dua puluh satu yang penyayang, cekap, mulia dalam watak, memahami nilai dan peka terhadap kehidupan budaya tempatan. Selain mencapai kecemerlangan akademik, penyelidikan dan inovasi, graduan akan didedahkan dengan pemikiran kritis, cekap, progresif dengan keupayaan untuk bekerja dalam suasana harmoni dengan sector kesihatan dan sektor-sektor lain yang berkaitan. Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bertekad untuk mengorak langkah dan merangka strategi menjadi sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan dan perkhidmatan di rantau ini.

## OBJEKTIF

- Menghasilkan doktor yang berkebolehan untuk memberikan rawatan yang selamat, kompeten dan kontekstual kepada pesakit.
- Melahirkan doktor yang mempunyai kemampuan untuk menyesuaikan diri dan memberikan perkhidmatan yang relevan dalam pelbagai bidang penjagaan kesihatan.
- Menjadikan modal insan yang berkebolehan untuk berkongsi dan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran di dalam dan luar negara.
- Membentuk individu yang berusaha ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

## MATLAMAT

- Menghasilkan graduan holistik yang berpengetahuan dan berketrampilan tinggi untuk memikul tanggungjawab dalam bidang perubatan dan sains kesihatan abad ke dua puluh satu.
- Menghasilkan profesional, saintis, pemimpin dan perintis dalam bidang perubatan dan sains kesihatan yang beretika dan

# FAKULTI PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (FPSK)

bernilai murni bagi memenuhi keperluan perkhidmatan awam, sektor swasta dan masyarakat.

- Menjadi fakulti yang tersohor dalam pendidikan dan pembelajaran perubatan dan sains kesihatan, perkhidmatan kesihatan, penyelidikan dan inovasi di rantau ini.

## VISI

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan bertekad untuk menjadi pusat asimilasi dan penyebaran pengetahuan, penemuan dan inovasi dalam bidang perubatan dan sains kesihatan di Malaysia dan rantau ini. Dengan fakulti cemerlang yang komited untuk menghasilkan graduan berkualiti tinggi; memiliki nilai-nilai moral dan etika, bersikap liberal dan bebas, berpandangan global, menunjukkan setiakawan, berinovatif dan bersedia memberikan perkhidmatan profesional kepada manusia sejagat dalam meningkatkan kualiti hidup mereka.

## MISI

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan berusaha untuk menjadi inovatif dalam mencapai wawasannya melalui pembelajaran, pengalaman penyelidikan, perkhidmatan kesihatan dan projek komuniti yang berkualiti tinggi di peringkat prasiswazah dan pascasiswazah.

## PROSPEK KERJAYA

Doktor Perubatan, Jururawat, Saintis, Pensyarah, Pegawai Sains, Pegawai Penyelidik.

**TENAGA PENGAJAR : [www.ums.edu.my/fpsk/](http://www.ums.edu.my/fpsk/)**